

Volume III  
No. 12



Saturday  
11th March, 1967

# PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA (SENATE)

OFFICIAL REPORT

THIRD SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT  
OF MALAYSIA

## CONTENTS

**EXEMPTED BUSINESS (Motion) [Col. 1329]**

**ADJOURNMENT SINE DIE (Motion) [Col. 1329]**

### **BILLS—**

**The National Language Bill [Col. 1329] [Col. 1368]**

**The Interpretation Bill [Col. 1368]**

**The Contracts (Malay States) (Amendment) Bill [Col. 1371]**

**The Road Traffic (Amendment) Bill [Col. 1372]**

**The Hire-Purchase Bill [Col. 1382]**

**The Aboriginal Peoples (Amendment) Bill [Col. 1386]**

**The Criminal Procedure Code (Amendment) Bill [Col. 1387]**

**Pertubohan Berita Nasional Malaysia Bill [Col. 1389]**

**The Federal Agricultural Marketing Authority (Amendment)  
Bill [Col. 1391]**

**The Control of Rent (Amendment) Bill [Col. 1395]**

### **MOTION—**

**The Formation of the Malaysia Group of the Inter-Parliamentary Union [Col. 1418]**

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN  
OLEH OOI THEAM HOCK, PENGUASA, IPOH  
1968

*Harga: \$1*

MALAYSIA  
**DEWAN NEGARA (SENATE)**  
*Official Report*

Vol. III

Third Session of the Second Dewan Negara

No. 12

*Saturday, 11th March, 1967*

*The Senate met at Ten o'clock a.m.*

PRESENT :

- The Honourable Mr President, DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN, S.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Appointed).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN, P.J.K. (Appointed).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N. (Penang).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS (Kelantan).
- „ TUAN AWANG DAUD MATUSIN (Appointed).
- „ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Appointed).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., J.P., Dato' Kurnia Indera (Appointed).
- „ TUAN GAN TECK YEOW, J.M.N. (Appointed).
- „ TUAN GOH CHEK KIN, P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HOH CHEE CHEONG, A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO' LEE FOONG YEE, J.M.N., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Appointed).
- „ TUAN LIM HEE HONG, J.M.N., J.P. (Appointed).
- „ TUAN LIM JOO KONG, J.P. (Kedah).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P. (Appointed).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Appointed).
- „ DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Appointed).
- „ NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Appointed).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Appointed).
- „ TUAN SAIDON BIN KECHUT, A.M.N. (Appointed).
- „ DATO' SHEIKH ABU BAKAR BIN YAHYA AL-HAJ, D.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TAN SRI G. SHELLEY, P.M.N., J.P. (Appointed).
- „ TUAN SYED AHMAD BIN SYED MAHMUD SHAHABUDIN, J.M.N., S.M.K., J.P. (Kedah).

- The Honourable **TUAN SYED DARUS BIN SYED HASHIM** (Perlis).  
 „ **TAN SRI T. H. TAN**, P.M.N. (Appointed).  
 „ **TUAN S. O. K. UBAlDULLA**, J.M.N. (Appointed).  
 „ **DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG**, J.M.N., P.J.K., Orang  
 Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).  
 „ **WAN SULAIMAN BIN WAN TAM**, P.J.K. (Appointed).

ABSENT :

- The Honourable the Minister without Portfolio, **TAN SRI ONG YOKE LIN**, P.M.N.  
 (Appointed).  
 „ **TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN**, P.J.K. (Negri Sembilan).  
 „ **TUAN ABDUL RAHMAN BIN AHMAD** (Perlis).  
 „ **TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDUL MANAP**, P.P.N. (Melaka).  
 „ **PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI** (Appointed).  
 „ **PUAN BIBI AISHA BINTI HAMID DON**, A.M.N. (Appointed).  
 „ **DATO' JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG**, P.D.K. (Sabah).  
 „ **DATU TUANKU BUJANG BIN TUANKU HAJI OTHMAN** (Sarawak).  
 „ **TUAN CHAN KEONG HON** (Appointed).  
 „ **TUAN CHAN KWONG-HON**, J.M.N., S.M.S, J.P. (Selangor).  
 „ **TUAN CHEAH SENG KHIM**, J.P. (Penang).  
 „ **TUAN D. S. DORAI RAJ**, A.M.N., P.J.K. (Appointed).  
 „ **DATO' FOO SEE MOI**, D.P.M.K., J.P. (Appointed).  
 „ **TUAN HONG KIM SUI** (Appointed).  
 „ **TUAN C. D. ISMAIL**, J.M.N., J.P. (Appointed).  
 „ **TUAN ANDREW JIKA LANDAU** (Appointed).  
 „ **TUAN KOH KIM LENG** (Melaka).  
 „ **TUAN MOHAMED ADIB BIN OMAR**, P.J.K. (Trengganu).  
 „ **DATU PENGIRAN MOHAMED DIGADONG GALPAM**, P.D.K. (Sabah).  
 „ **TUAN S. P. S. NATHAN** (Appointed).  
 „ **TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU** (Sarawak).  
 „ **RAJA RASTAM SHAHROME BIN RAJA SAID TAUPHY** (Selangor).  
 „ **TUAN WILLIAM TAN** (Appointed).  
 „ **DATO' E. E. C. THURAlSINGHAM**, D.P.M.J., J.P. (Appointed).  
 „ **WAN MUSTAPHA BIN HAJI WAN ALI**, S.M.K. (Kelantan).  
 „ **TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD** (Perak).  
 „ **TUAN YEOH KIAN TEIK** (Perak).

IN ATTENDANCE :

- The Honourable the Minister of Lands and Mines, **TUAN ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB** (Sarawak).  
 „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, **TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI** (Ulu Perak).  
 „ the Minister for Local Government and Housing, **TUAN KHAW KAI-BOH**, P.J.K. (Ulu Selangor).

## PRAYERS

(Mr President *in the Chair*)

### EXEMPTED BUSINESS

(Motion)

**Tan Sri T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to move,

That notwithstanding the provisions of Standing Order 11, the Senate shall not adjourn today until consideration on all Government business set out on the Order Paper for today has been completed.

**Dato' Y. T. Lee:** Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That notwithstanding the provisions of Standing Order 11, the Senate shall not adjourn today until consideration on all Government business set out on the Order Paper for today has been completed.

### ADJOURNMENT *SINE DIE*

(Motion)

**Tan Sri T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to move,

That at its rising today the Senate shall stand adjourned *sine die*.

**Dato' Y. T. Lee:** Sir, I beg to second the motion.

Resolved,

That at its rising today the Senate shall stand adjourned *sine die*.

## BILLS

### THE NATIONAL LANGUAGE BILL

Second Reading

Order read for resumption of debate on Question, "That the Bill be now read a second time" (10th March, 1967).

**Tuan Saidon bin Kechut:** Dato' Yang di-Pertua, saya bangun pada pagi ini mengambil kesempatan untuk menyokong Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan yang di-kemukakan dalam Dewan ini oleh Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak. Saya berasa tentu-lah agak kurang menyenangkan kalau dalam perkara yang besar yang di-perbincangkan dan di-perdebatkan dengan begitu hangat dalam masa yang

terakhir<sup>2</sup> ini daripada semenjak Dewan Ra'ayat hingga kepada Dewan Negara dan juga banyak pemimpin<sup>2</sup> ra'ayat yang mengambil kesempatan membinchangkan dan menimbulkan sesuatu mengenai Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini di-luar Dewan sekali pun. Jadi saya rasa walau apa pun yang di-lemparkan, walau pun apa sahaja kata<sup>2</sup> nesta yang di-keluarkan oleh pehak<sup>2</sup> yang tidak menyetujui, oleh pehak<sup>2</sup> yang mengatakan pertentangan-nya dan tidak mahu menerima Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini, bagi hemat saya sendiri, saya dapat memberikan beberapa ketegasan di-antara pehak<sup>2</sup> yang menentang ini ada di-antara-nya gulungan<sup>2</sup> yang betul<sup>2</sup> merasa kechewa di-atas benar dan betul-nya Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini, memberi kuasa dan memberi keputusan yang mu'tamad tentang maksud dan tujuan Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini yang meliputi keseluruhan-nya Perlembagaan Fasal 152, ia-itu bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal di-Malaysia ini.

Satu gulungan lagi daripada mereka<sup>2</sup> yang menentang Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini benar<sup>2</sup> pula, pada hemat saya, bukan-lah mempunyai tujuan<sup>2</sup> yang benar dan jujur, tujuan<sup>2</sup> ikhlas dan murni, tetapi penentangan dan serangan<sup>2</sup> yang di-lemparkan kepada Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini ada-lah mempunyai tujuan<sup>2</sup> yang tertentu atau pun kata orang<sup>2</sup> sekarang ini—mempunyai tujuan undang di-sabalek batu. Di-antara dua gulungan yang menentang Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini, pada diri saya, saya sangat menyesali sikap yang di-keluarkan dan di-timbulkan oleh orang<sup>2</sup> daripada Parti Islam sa-Tanah Melayu mulai daripada dalam Dewan Ra'ayat sa-hingga Dewan Negara semenjak hari sa-malam. Saya yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini, saya ingin hendak menyentoh beberapa perkara yang di-timbulkan oleh rakan<sup>2</sup> saya daripada PAS di-dalam Dewan ini tetapi tidak bagitu sedap rasa-nya saya berchakap pada pagi ini kerana kedua<sup>2</sup> beliau itu belum lagi nampak-nya hadir.

Satu daripada-nya masaalah bagai- mana pintar dan bijak-nya orang<sup>2</sup> yang mahu menggunakan kesempatan menanggok di-ayer keroh ini memutarbelitkan tiap<sup>2</sup> kalimat atau ayat yang terchatit dan tersurat di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini, mithal-nya seperti sa-malam kita mendengar dengan menggunakan satu kalimat apa yang di-sebutkan “peruntokan”. “Peruntokan” ini tidak sesuai kata mereka di-gunakan di-dalam soal Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini hanya ini boleh di-gunakan sa-bagai mithal-nya, “peruntokan” untuk kewangan dan lain<sup>2</sup> tetapi Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini menunjukkan apabila kalimat “peruntokan” ini di-chatitkan erti-nya ia-lah kelemahan<sup>2</sup> daripada pehak UMNO dan daripada pehak Kerajaan sendiri yang chuba menyimpangkan keadaan yang sa-benar-nya tujuan<sup>2</sup> bahasa kebangsaan bahasa rasmi yang tunggal yang akan di-laksanakan.

Menurut pendapat saya untuk menyatakan tentang kedudukan “peruntokan” yang di-maksudkan di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini, “peruntokan” ini ada-lah menunjukkan ia-itu menghadkan atau meletakkan atau menselaraskan dan banyak lagi perkara<sup>2</sup> yang dapat di-samakan dengan tujuan dan ma’ana-nya “peruntokan” yang di-maksudkan di-dalam kata<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini, tetapi barangkali agaknya oleh sebab pehak yang menentang perkataan “peruntokan” ini ada-lah mengambil perkataan ini dari segi sastera maka sa-sungguh-nya tentu-lah tidak sesuai kerana perkataan<sup>2</sup> yang di-sebutkan di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah mengikut perkataan<sup>2</sup> dari segi Undang<sup>2</sup>. Saya sendiri kalau hendak membandingkan tentang perkataan<sup>2</sup> bahasa kebangsaan kita sendiri dengan bahasa<sup>2</sup> Inggeris tentu-lah kita dapat keadaan<sup>2</sup> yang tidak sama dan tidak sa-rupa tujuan dan maksud-nya. Seperti mana jikalau kita dalam bahasa kebangsaan mengatakan “angkat”, dalam bahasa Inggeris di-junjong pun di-katakan angkat, di-pikul di-bahu di-katakan angkat, di-bimbit di-katakan angkat, tetapi kita berlainan sama

sa-kali. Jadi masaalah<sup>2</sup> bahasa yang di-sebutkan dan di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada PAS sa-malam sa-sungguh-nya ini-lah satu-nya di-antara beberapa chara mengelirukan perkataan<sup>2</sup> dan tujuan<sup>2</sup> yang sa-benar-nya di-dalam tujuan maksud Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini bagi kepentingan parti dan kepentingan menanggok di-ayer yang keroh. Tuan Yang di-Pertua, saya di-dalam soal ini bagi membenarkan kenyataan ini mari kita renongkan sedikit bukti<sup>2</sup> untuk kita berfikir perkara<sup>2</sup> yang dapat menyatakan bagaimana benar dan betul-nya apa yang saya katakan ini, satu daripada perkara<sup>2</sup> yang agak tidak menyenangkan saya mendengarnya daripada Ahli Yang Berhormat daripada PAS ini yang kita tahu orang<sup>2</sup> yang faham dan tinggi pengetahuannya dari segi bahasa.

Sa-malam kita mendengar Yang Berhormat Wan Mustapha sendiri mengatakan dengan lantang-nya ia-itu orang<sup>2</sup> Asli di-tanah ayer kita ini maseh sanggup Ahli Yang Berhormat itu menggunakan panggilan Sakai. Saya rasa kalau ada wakil<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> Asli di-Dewan ini atau pun di-luar-nya yang mendengar maseh ada di-zaman merdeka ini orang<sup>2</sup> yang sanggup memanggil orang<sup>2</sup> Asli itu Sakai, tentu-lah tindakan yang hebat akan di-ambil oleh keturunan suku orang Asli yang ada di-tanah ayer kita ini. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, banyak perkataan<sup>2</sup>, dan tata bahasa yang lebeh halus<sup>2</sup> yang dapat di-katakan sa-bagai adat dan kebudayaan orang<sup>2</sup> Melayu yang terpuji dan di-pandang tinggi. Saya minta ma’af sa-belum India menchapai kemerdekaan-nya, saya rasa kapada gulongan orang<sup>2</sup> India kita panggil dengan perkataan Keling. Saya minta ma’af ini ada-lah untuk perbandingan, tetapi sa-telah kemerdekaan India kita tahu benar<sup>2</sup> sa-hingga kapada hari ini tidak ada sa-orang lagi pun yang menyebut<sup>2</sup> perkataan Keling yang memang di-chiptakan oleh penjajah melainkan kita sebutkan bangsa India. Ini kerana menghormati bangsa India yang telah merdeka tetapi kita di-Malaysia ini maseh ada orang<sup>2</sup> yang mempunyai pengetahuan dan pelajaran, mempunyai akhlak dan

kesupanan yang tinggi konon-nya maseh lagi memakai istilah<sup>2</sup> yang mengkeji dan menghinakan satu golongan bangsa yang betul<sup>2</sup> asli di tanah ayer kita ini, ia-itu kaum Asli dan mereka ini di-berikan penghinaan lagi dengan di-katakan Sakai.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini sungguh pun kalau kita hendak mengkaji tentang tanggung jawab Kerajaan Perikatan di-dalam masaalah mementingkan kehidupan ra'ayat dan masharakat-nya, kita tahu di-zaman penjajah orang<sup>2</sup> yang di-katakan Sakai ini memang di-halau dan di-dudokkan, tempat-nya, di-dalam hutan<sup>2</sup> yang besar supaya mereka ini berpechah dengan orang<sup>2</sup> yang ada di-sekitar-nya terutama sa-kali dengan orang<sup>2</sup> Melayu dan ini untuk kepentingan penjajah. Tetapi alang-kah rahmat dan bahagia-nya Kerajaan Perikatan sa-telah mencapai kemerdekaan ini mengadakan peruntokan<sup>2</sup> khas dan mengumpulkan orang<sup>2</sup> Asli ini di-bawa ka-dalam bandar dengan di-berikan segala layanan yang sepatut-nya dan sewajar-nya sa-bagai sa-orang manusia walau pun dalam golongan suku apa sa-kali pun. Tetapi ini-lah chara<sup>2</sup>-nya orang<sup>2</sup> PAS yang konon-nya berpelajaran dan bersemangat kebangsaan dan ra'ayat. Saya rasa jikalau orang PAS ini berkuasa barangkali orang<sup>2</sup> Asli ini bukan sahaja lari ka-gunong<sup>2</sup> tetapi tidak akan mendapat tempat lagi di-negara kita di-Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya di-dalam soal beberapa perkara lagi untuk mengatakan kebenaran apa yang saya katakan bahawa saya sangat menyekali sikap PAS yang memberikan tentangan pada keseluruhan-nya Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini ia-itu dengan tidak ada simpati dan tiada timbang rasa langsung—erti-nya yang ada terchatet di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini tidak satu pun matalamat yang menunjukkan kejujoran daripada Kerajaan dan daripada pemimpin<sup>2</sup> UMNO. Saya ingin menyatakan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu sa-malam juga kita mendengar bahawa Wan Mustapha, Ahli

Yang Berhormat di-dalam Dewan ini, telah mengelirukan lagi satu perkataan yang konon-nya di-keluarkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku. Konon-nya siapa yang menentang Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini di-tuduh kominis. Pada hemat saya dan saya menafikan Yang Teramat Mulia Tunku tidak pernah mengatakan orang yang menentang Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini ia-lah kominis. Apa yang saya tahu, jikalau saya tidak silap, Tunku menyatakan tunjok<sup>2</sup> perasaan yang liar, perbuatan<sup>2</sup> kekerasan yang memalukan seperti membakar gambar Tunku, membakar surat<sup>2</sup> khabar dan mengadakan tunjok<sup>2</sup> perasaan yang mengeluarkan perkataan<sup>2</sup> yang kotor<sup>2</sup> terhadap pemimpin<sup>2</sup> kita. Ini mungkin ada anasir<sup>2</sup> kominis yang chuba mengapi<sup>2</sup>kan supaya orang<sup>2</sup> yang menjujuk perasaan ini bertindak dengan sa-chara liar. Ini satu perkara yang tidak mustahil kerana di-mana<sup>2</sup> negara pun di-dalam kalangan masharakat, memang ada puak<sup>2</sup> yang tertentu menchari kesempatan, puak<sup>2</sup> yang ingin menimbulkan sa-suatu untuk kepentingan mereka, puak<sup>2</sup> yang ingin menjatohkan Kerajaan dan menjatohkan nama baik Kerajaan dari samasa ka-samasa, mengambil kesempatan dalam keadaan<sup>2</sup> yang boleh menimbulkan huru-hara.

Kita tahu, ranchangan<sup>2</sup> untuk menjatoh-kah sa-suatu Kerajaan, untuk menjatohkan sa-suatu persatuan atau pun pertubohan<sup>2</sup>, bukan-lah boleh dengan sa-chara aman dan damai, tetapi mesti di-timbulkan keadaan<sup>2</sup> huru-hara. Maka ini-lah yang Tunku katakan, mungkin ada latar belakang atau pun anasir<sup>2</sup> yang menyeludup yang berfaham kominis yang ingin hendak menimbulkan huru-hara dalam kesempatan bahasa kebangsaan kita ini di-kemukakan di-dalam Dewan Ra'ayat dan pada masa itu anasir<sup>2</sup> ini menjalankan segala apa yang difikirkan-nya perlu bagi meniupkan semangat mengelirukan tujuan<sup>2</sup> dan maksud<sup>2</sup> supaya ra'ayat jelata dan orang ramai akan dapat menunjukkan kebencian dan menunjukkan sa-suatu perbuatan yang boleh menyusahkan Kerajaan dan orang ramai.

Masaalah ini terang dan nyata, tidak-lah dengan tujuan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat sa-malam, siapa menentang Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini adalah kominis, tetapi yang sa-betul-nya ia-lah ada-nya anasir<sup>2</sup> kominis. Kalau-lah Wan Mutapha sa-malam di-Dewan ini menyatakan, dia menchampori, telah pergi ka-Dewan Bahasa dalam masa perjumpaan Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan dan kalau di-Dewan ini Ahli Yang Berhormat daripada PAS ini mengatakan terang<sup>2</sup> dihadapan kita semua, mengelirukan perkataan<sup>2</sup> yang terkandung di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini, kita dapat tahu juga apa-kah yang telah di-chakapkan oleh Yang Berhormat itu di-Dewan Bahasa pada masa Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan mengadakan perjumpaan. Tidak mungkin-kah Ahli<sup>2</sup> PAS dan kunchu<sup>2</sup>-nya berada di-Kolej Islam? Tidak mungkin-kah Ahli<sup>2</sup> PAS berada di-tempat<sup>2</sup> lain di-mana orang<sup>2</sup> berkumpul hendak mengetahui keadaan yang sa-benar-nya Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini? Kalau mengikut pendapat dan hemat saya, jikalau di-dalam Dewan ini Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat daripada PAS sanggup mengelirukan, sanggup menimbulkan soal<sup>2</sup> detail yang tidak begitu mustahak, tetapi tidak mementingkan soal pokok, maka sa-sungguh-nya, sa-benar-nya-lah apa yang di-katakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku, mungkin PAS juga ada-lah satu<sup>2</sup>-nya anasir kominis yang ingin menimbulkan huru-hara daripada segi Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu ia-itu siapa-kah yang ada sa-lain daripada Ahli Yang Berhormat kita di-dalam Dewan ini yang begitu mengambil berat tampil ka-hadapan memberikan pendapat dan fikiran yang mengelirukan terhadap Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini di-dalam perjumpaan ramai. Saya tidak mahu menchakapkan siapa-kah di-antara satu<sup>2</sup> tokoh-nya. Tetapi lebeh kurang satu dua bulan yang telah lalu di-tempat saya sendiri ada satu forum yang di-anjorkan oleh mahasiswa University Malaya. Salah sa-orang daripada tokoh PAS yang ada

di-dalam forum itu menyerukan, kalau KAMI dan KAPI di-Indonesia sanggup bangun menentang Kerajaan kenapa-kah mahasiswa atau penuntut<sup>2</sup>, pelajar<sup>2</sup> dari University Malaya dan lain<sup>2</sup> tidak sanggup bangun menentang Kerajaan? Ini telah di-keluarkan sa-belum lagi Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini di-kemukakan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam perkara ini, ini-lah yang saya katakan daripada mula tadi amat menyesalkan dan chara penentangan dan serangan yang diberikan oleh PAS ini tepat apa yang saya fikirkan ia-itu sa-benar<sup>2</sup>-nya bukan dengan sebab jujur dan ikhlas tetapi kerana kepentingan PAS sendiri.

Saya maseh ingat satu lagi Ahli Yang Berhormat daripada PAS sa-malam mengatakan, ia-itu Perlembagaan ini jangan di-pinda<sup>2</sup> dengan begitu mudah dan kita harus mengatakan dan kita harus menganggap Perlembagaan ini sa-bagai Quran juga. Saya sendiri sa-bagai sa-orang Islam, saya menyangkal keras dan barang di-jauhkan Allah jangan-lah ada orang<sup>2</sup> Islam hendak menduakan Quran di-dunia ini. Kerana Quran tidak boleh di-pinda, Quran hanya satu sahaja. Jikalau ada orang<sup>2</sup> PAS telah keliru dengan kedudukan Quran yang suchi itu, maka tidak hairan-lah bukan sahaja Quran telah di-kelirukan dan di-pergunakan untok kepentingan PAS, perkara<sup>2</sup> lain juga di-pergunakan dengan chara yang keliru yang mereka tidak faham keadaan yang sa-benar-nya. Saya harap orang<sup>2</sup> PAS tolong belajar mengenal Quran dengan erti kata yang sa-benar-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dalam soal kedudukan bahasa kebangsaan kita, kalau hendak di-kaji dari segi sejarah barangkali orang<sup>2</sup> PAS menitek beratkan tudohan-nya, kelemahan UMNO dan kelemahan Kerajaan Perikatan. Kenapa tidak mahu bersemangat sa-ratus peratus dan menjalankan sa-suatu apa yang di-fikirkan untok kepentingan orang Melayu sa-bagai bumiputra ini dengan keadaan mendadak dan keadaan berani. Saya ingin memberikan pengajian sedikit dari sudut sejarah juga ia-itu kepada siapa-kah harus kita salahkan. Kerana

kita tahu penjajah yang menjejakkan kaki-nya di-tanah ayer kita, pada masa mula<sup>2</sup> dahulu daripada semenjak zaman Portugis sampai-lah kepada beberapa kalangan penjajah yang terkemudian daripadanya. Nenek-moyang kita bukan menyerah bulat<sup>2</sup>. Ini patut Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat daripada PAS mengambil kepastian, nenek-moyang kita telah mengadakan penentangan yang begitu hebat. Berjuta<sup>2</sup> jiwa wanita dan pemuda nenek-moyang kita dahulu telah terkorban kerana mempertahankan kedaulatan tanah ayer dan erti-nya kemasokan kuasa penjajah di-tanah ayer kita ini telah di-berikan bayaran yang begitu mahal. Ini satu kebanggaan dan dengan sebab itu-lah UMNO terchipta pada hari ini kerana menyambong perjuangan nenek-moyang, mahu mengembalikan kedaulatan negara sa-bagai bangsa yang merdeka, mahu mengembalikan kedaulatan bahasa sa-bagai bahasa yang teragong.

Tetapi dengan sebab malang-nya Kerajaan Melayu di-zaman itu telah kalah, kalah sa-telah berjuang hebat, maka kekuasaan penjajah telah menjalankan apa sahaja ia dapat menguasai, apa sahaja yang ada di-tangan anak<sup>2</sup> bumiputra yang pada masa itu disebut Semenanjung Tanah Melayu. Maka dengan keadaan kekuasaan penjajah yang telah mengadakan beberapa achara<sup>2</sup> yang merugikan anak<sup>2</sup> bumiputra sendiri yang tidak payah hendak saya sebutkan. Kita sama<sup>2</sup> ma'alum sa-bagai bangsa yang terjajah, harus menerima sahaja menurut apa yang di-perintahkan oleh kuasa yang memerintah ia-itu, penjajah pada masa itu. Sampai-lah pada hari ini apabila kita berjuang dalam sa'at kita sekarang ini, kita ada-lah bangsa yang baharu hendak membangun, bangsa yang baharu hendak maju ka-hadapan. Dengan keadaan kita atau dengan suasana atau iklim di-negara kita ini yang tidak dapat di-nafikan lain daripada negara<sup>2</sup> lain. Maka dengan keadaan yang ada pada hari ini saya rasa sesuatu yang di-perjuangkan oleh Kerajaan Perikatan, oleh pemimpin<sup>2</sup> UMNO boleh-lah ra'ayat semua tahu dan dapat menyatakan, Kerajaan Perikatan dan pemimpin<sup>2</sup> UMNO yang berjuang pada hari ini untuk kepentingan negara, men-

jalankan langkah yang sangat bijak yang sesuai dengan keadaan kita sendiri. Kita tidak mahu di-dalam menuju tujuan dan maksud yang baik pada masa sekarang dan pada masa yang akan datang terjadi saperti kata orang tua<sup>2</sup>, "yang di-kejar tak dapat yang di-kendong berchichiran." Kita tahu kalau sa-kira-nya menurut chara<sup>2</sup> apa yang di-kehendaki oleh PAS, erti-nya sa-kali berjuang tetap berjuang terus, sa-kali kita katakan mesti, mesti juga di-jalankan, maka sa-sungguh-nya PAS berjuang dengan tidak mempunyai pedoman. PAS berjuang tidak ada tektik perjuangan.

Kalau hendak saya berikan, mithalnya, di-dalam kedudukan askar<sup>2</sup> yang berperang memang ada barangkali sebelum barisan yang besar di-belakang maju ka-depan lebeh kurang di-pileh 10 orang dahulu tentera<sup>2</sup> biasa yang di-anggap berani mati, yang memang di-suroh mati, 10 orang di-suroh ka-depan dahulu ia-itu untuk supaya musuh dapat memandang-nya, dan untuk mengetahui musuh atau tidak di-tempat yang berhampiran. Maka 10 orang ini akan maju ka-hadapan, kalau sa-kira-nya ada musuh di-hadapan, orang yang 10 ini dahulu-lah akan menjadi umpan peluru. Jadi masalah kita di-dalam perjuangan kita mesti ada pada masa<sup>2</sup>nya kita maju ka-hadapan, pada masa<sup>2</sup>nya kita harus mundur kabelakang dan pada masa<sup>2</sup>nya pula kita harus bertahan—ini tektik perjuangan. Tetapi perjuangan PAS apa yang saya nampak maju<sup>2</sup> terus, tidak ada bertahan tidak undor kabelakang erti-nya PAS akan sampai ajal-nya lebeh lekas daripada orang<sup>2</sup> lain.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan sejarah yang saya kata tadi, maka keadaan yang di-lakukan oleh Kerajaan dan UMNO pada hari ini dalam mengemukakan sa-suatu dalam Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini ada-lah chara yang sa-baik<sup>2</sup>nya. Kerana sa-lain daripada soal pokok, soal menjadikan bahasa kebangsaan bahasa rasmi yang tunggal yang akan sampai pada sa'at yang dimestikan nanti, maka sa-lain daripada itu kita harus fikirkan, bahasa kebangsaan kita ada-lah mempunyai satu

tujuan yang tertentu ia-itu tujuan dengan menggunakan bahasa kebangsaan ini ra'ayat jelata, warganegara yang berbilang bangsa di-tanah ayer kita ini akan bersatu padu. Ini satu tujuan yang besar dari segi soal pokok bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal untuk perpaduan umat Malaysia seluruh-nya, maka sa-sunggoh-nya tidak-lah akan berjaya sa-suatu yang di-maksudkan, tidak-lah kita akan dapat menjalankan sa-suatu dengan chara yang betul<sup>2</sup> bertanggung jawab dan aman tenteram melainkan dengan keadaan kita lebeh dahulu dapat bertimbang rasa, dapat bertolak ansor, dapat memahamkan sa-suatu itu menurut tujuan<sup>2</sup> dan landasan<sup>2</sup> yang sa-benar-nya bagi pehak saya dalam perjuangan kita menchiptakan masharakat yang adil masharakat yang aman dan ma'mor di-tanah ayer kita ini, kita hendak-lah berlari di-padang yang kering, kita tidak mahu berlari di-padang yang lechak. Kalau sa-kira-nya PAS suka memilih keadaan<sup>2</sup> dengan membuta tuli tidak kira ranjau dan duri, itu terpulang-lah kepada PAS sendiri dan mereka akan tahu akibah<sup>2</sup>-nya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal apa yang di-katakan oleh serangan<sup>2</sup> PAS sa-malam dan juga di-dalam Dewan Ra'ayat, saya maseh ingat lagi satu chabaran besar yang di-berikan oleh Dato' Mohd. Asri sendiri ia-itu menchabar Perikatan meletakkan semua jawatan<sup>2</sup>-nya di-dalam Dewan Ra'ayat dan mengadakan satu pilihan raya ia-itu atas konsep bahasa kebangsaan ini. Saya rasa perkara ini tidak boleh-lah di-diamkan dengan bagitu sahaja dan Perikatan atau pun pemimpin<sup>2</sup> UMNO tidak-lah harus terpengaruh, dan akan menurut apa sahaja perangkap<sup>2</sup> yang di-buat oleh PAS.

Menurut himat saya di-dalam perkara ini saya ingin-lah menyatakan kepada PAS, baharu<sup>2</sup> ini di-negeri Selangor di-kawasan Kampong Baharu, baharu sahaja kita selesai mengadakan satu pilihan raya kechil. Saya tahu di-dalam masa hendak mengadakan pilihan raya ini Ibu Pejabat PAS yang ada di-Kuala Lumpur ini juga sebok

mengadakan perundingan, hendak mengadakan chalon bertanding melawan Perikatan dalam pilihan raya Kampong Bharu. Saya tidak tahu apa sebab-nya PAS tidak sanggup mengemukakan chalon, belum berjuang sudah mengaku kalah. Jadi kalau di-dalam soal mengadakan pilihan raya atas konsep<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini hendak chuba pula menchabar Perikatan dan UMNO ini, saya rasa tentulah agak mengetawakan dan mereka akan rugi sendiri dalam menghadapi kenyataan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam soal serangan<sup>2</sup> yang di-lemparkan oleh PAS dan orang<sup>2</sup> lain terhadap kapada Parti Perikatan dan juga terhadap kapada UMNO ia-itu dari segi Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini, satu perkara yang terfikir oleh saya kalau kata Yang Berhormat Enche' Amaluddin samalam, atas keributan yang berlaku dengan sebab Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini banyak orang<sup>2</sup> UMNO sudah masok PAS dan berseru banyak lagi orang<sup>2</sup> UMNO akan masok PAS. Saya ingin bertanya akan berjaya-kah chita<sup>2</sup> PAS ini?

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya sendiri pun berasa geli hati kerana sa-panjang yang saya tahu sa-lepas sahaja Yang Berhormat Dato' Mohd. Asri habis tempoh-nya berbinchang di-dalam Dewan Ra'ayat pada 7 haribulan, maka balek-lah Yang Berhormat ini ka-Kelantan dan di-Kelantan oleh, konon-nya di-sebabkan ia telah menentang dengan sa-hebat<sup>2</sup>-nya Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini, dia telah di-beri sambutan oleh orang<sup>2</sup> Kelantan, di-arak bagitu bagini. Tetapi saya berasa agak luchu dan mengetawakan, saya bacha di-dalam surat khabar *Utusan Melayu*, di-sini ada gambar Yang Berhormat Dato' Asri Ketua PAS yang besar di-Kelantan ia-itu surat khabar 7 haribulan Mach, surat khabar *Utusan Melayu*, "Kampong kedua PAS masok UMNO" ia-itu di-Kota Baharu sendiri, di-Kelantan sendiri! Kampong yang kedua arti-nya ada kampong yang pertama dalam masa tiga empat hari sahaja Rang Undang<sup>2</sup> ini di-bahathkan dan Yang Berhormat daripada PAS semua-nya menentang

tetapi yang betul masok UMNO ia-lah orang PAS, kampong-nya sakali. Kalau ada orang<sup>2</sup> PAS hendak menapikan ini, saya tidak tahu-lah. Yang satu lagi 7 haribulan Mach juga, beramai<sup>2</sup> keluar masok UMNO di-Kuala Langat—ada gambar pemimpinya sa-kali. Ini-lah dia chara putar belit orang<sup>2</sup> PAS yang chuba hendak menda'ayahkan dan mepengarohi ra'ayat dan masharakat kita. Kalau dengan chara yang demikian hendak menggunakan senjata tetapi senjata tumpul, senjata bukan besi baja, saya rasa tidak akan menyampaikan chita<sup>2</sup> atau maksud<sup>2</sup> mereka dan kepada orang<sup>2</sup> yang demikian saya katakan-lah, baik-lah berhati<sup>2</sup> dan berpada<sup>2</sup> dalam mengemukakan sa-suatu untuk kepentingan diri dan parti sedangkan kita daripada UMNO dan Perikatan ada-lah mementingkan soal negara dan masharakat ra'ayat seluruh-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sadikit lagi saya ingin mengatakan ia-itu saya hendak menyentoh tentang soal kedudukan pejuang<sup>2</sup> bahasa ia-itu menyengkap sadikit latar belakang peranan yang telah saya lakukan. Saya boleh-lah menyatakan kepada Dewan ini pada mula<sup>2</sup> sa-kali Minggu Bahasa Kebangsaan di-lancharkan, barangkali siapa sahaja yang lalu lalang di-depan padang Selangor Kelab berhadapan dengan Pejabat Kerajaan negeri Selangor sadikit tahun yang telah lalu, akan mengingatkan satu sejarah bagaimana kedudukan Batu Berjanggut di-depan jam besar itu. Dan soal terchipta-nya Batu Berjanggut ini ada-lah dengan perbuatan saya sendiri pada masa itu yang meluap<sup>2</sup> dengan semangat bahasa kebangsaan mengepalai pasokan<sup>2</sup> yang tertentu seluruh Kuala Lumpur kami sapa chat.

Jadi memandangkan soal ini saya rasa tidak-lah sa-patut-nya kalau ada pemuda<sup>2</sup> daripada Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan atau pun daripada pelajar apa gulongan sa-kali pun yang mengatakan mereka ada-lah orang<sup>2</sup> yang menjadi jagoh dalam perjuangan bahasa yang saya sendiri dan beberapa orang daripada rakan<sup>2</sup> saya tidak mengambil berat dan tidak mempunyai semangat dalam soal bahasa kebangsaan ini.

Kita insaf dan sedar dengan menggunakan chogan<sup>2</sup> kata perjuangan bahasa sahaja sudah chukup, kalau hendak meniupkan api perkauman dan sentimen<sup>2</sup> yang boleh membakar. "Hidup bahasa hidup-lah bangsa", "Bahasa menunjukkan bangsa" dan berbagai<sup>2</sup> lagi chogan kata yang kita tahu amat penting dan mempunyai kedudukan yang tegas dari segi taraf dan meruah bangsa Melayu sendiri di-tanah ayer-nya di-dalam soal bahasa ini. Chogan kata ini kalau mahu di-tiupkan benar<sup>2</sup>, saya berani jamin dalam sa-minggu akan timbul-lah satu pemberontakan besar. Tetapi ini-lah tanggong jawab kita bahawa di-dalam soal kita menjalankan peranan<sup>2</sup> untuk kepentingan negara dan bangsa kita tidak harus menggunakan segala sa-suatu yang menimbulkan huru-hara. Kerana kita mempunyai matalamat yang tertentu untuk kepentingan aman damai dan kehidupan yang harmoni di-antara seluruh warga negara Malaysia.

Tetapi PAS menjalankan da'ayah<sup>2</sup> ini meniupkan sentimen<sup>2</sup> ini walau pun mereka menapikan keadaan yang sa-benar-nya. Kita tahu dan kita kenal, ikan di-ayer terkilat sadikit kita tahu jantan betina-nya. Bagini-lah keadaan<sup>2</sup> yang di-lakukan ia-itu menchari kesempatan menanggok di-ayer keroh yang saya kata tadi. Dan bagi hemat saya sendiri kalau-lah keadaan<sup>2</sup> ini maseh berjalan dengan sa-chara berluasa oleh kalangan<sup>2</sup> yang tertentu terutama PAS sendiri, saya juga dan saya perchaya banyak rakan<sup>2</sup> saya di-dalam UMNO ini akan sanggup keluar menjelajah bagi memberikan penerangan<sup>2</sup> yang tegas dan terang, kepada ra'ayat semua supaya mereka jangan dapat di-abui oleh kalangan<sup>2</sup> yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab itu saya berseru-lah kepada Barisan<sup>2</sup> Bertindak Bahasa Kebangsaan dan juga kepada siapa sahaja yang chuba hendak membangunkan huru hara yang telah terpengaruh dengan anasir<sup>2</sup> pengasut ini dan terkeliru dengan perbuatan<sup>2</sup> mereka yang tidak bertanggung jawab ini; sesat di-hujung jalan balek-lah kapangkal jalan. Jangan-lah chuba melamparkan kata<sup>2</sup> yang tidak bertanggung jawab terhadap pemimpin<sup>2</sup> kita,

pemimpin negara kita yang jujur dan bertanggung jawab untuk kepentingan negara dan masyarakat sa-lama ini. Kita tahu sa-bagaimana yang dikatakan oleh Tunku sendiri, beliau telah memimpin perjuangan ra'ayat negara ini daripada semenjak sa-belum kemerdekaan dan sa-telah mencapai kemerdekaan, sa-hingga hari ini kita tahu tujuan<sup>2</sup> dan matalamat<sup>2</sup> bangsa dan negara kita berjalan dengan lancar dan akan sampai juga kepada tujuan dan chita<sup>2</sup> itu tetapi kalau kepada pemimpin<sup>2</sup> UMNO dan Kerajaan ditudoh pengkhianat dengan sa-chara yang tidak tepat, dengan sa-chara yang tidak membuktikan keadaan yang sa-benar-nya, sunggoh-nya ini ada-lah penganiayaan dan satu penghinaan yang tidak bertanggung jawab.

Sa-balek-nya saya mengatakan kepada mereka-lah yang tidak mahu bertanggung jawab di-dalam soal ini, yang tidak mahu memahami keadaan yang sa-benar-nya dan mereka sanggup terpengaruh oleh anasir<sup>2</sup> yang menchari kepentingan diri sendiri, mereka bukan sahaja mengkhianati diri-nya sendiri tetapi pengkhianat kepada bahasa kebangsaan dan negara kita yang sa-benar-nya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat itu sa-malam berpantun nampak-nya dia menghabiskan perkataan-nya, saya pun hendak berpantun sadikit dan ini-lah pantun saya pada pagi ini ia-itu:

Bukan kata sa-barang kata,  
Kata benar ketinggian budi;  
Baik<sup>2</sup>-lah tuan bermain senjata,  
Jangan senjata menikam diri.

Sekian, (*Tepok*).

**The Minister of Lands and Mines (Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub):** Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menjawab beberapa tudohan<sup>2</sup> khas-nya daripada Ahli<sup>2</sup> parti Pembangkang.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** *Rises.*

**Mr President:** Biar-lah dia berchakap dahulu sebab dia hendak belayar ka-Mekah.

**Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Saya minta ini kerana besok saya akan bertolak ka-tanah suci dan pagi ini terpaksa saya mengemaskan tugas<sup>2</sup> saya di-Kementerian, bukan-lah sa-lepas ini bererti tuan<sup>2</sup> tidak dapat berchakap lagi.

Yang Berhormat Wan Mustapha berkata, ra'ayat di-negeri ini telah tidak bersetuju dengan Rang Undang<sup>2</sup> ini disokong oleh Senator Amaluddin dan juga Ahli<sup>2</sup> Parti PAS yang lain di-dalam Dewan Ra'ayat. Menjawab-nya senang sahaja, kalau ra'ayat erti-nya ra'ayat PAS itu kita bersetuju, tetapi PAS tidak mewakili seluruh ra'ayat Malaysia. PAS tidak menerima sokongan daripada suku<sup>2</sup> bangsa yang bukan keturunan Melayu, dan di-kalangan orang<sup>2</sup> Melayu pula PAS tidak menerima sokongan yang besar. Dengan hal demikian apa yang di-katakan oleh PAS bahawa ra'ayat negeri ini tidak bersetuju. itu ada-lah tidak betul.

Yang Berhormat Wan Mustapha berkata dia menentang Bill ini sa-bagai anak Melayu. Ya betul! Dan dalam bahaitan-nya dia telah menggunakan bahasa kebangsaan. Saya memberi tahniah kepada Yang Berhormat itu kerana pada kali ini nampak-nya bahasa kebangsaan dia itu telah lebeh baik—telah “polished” daripada bahasa kebangsaan yang dahulu di-gunakan di-dalam persidangan Dewan Negara ini atau pun Dewan Ra'ayat ketika beliau itu menjadi Ahli Dewan Ra'ayat dahulu. Ini sengaja di-buat-nya kerana dia tahu, dia terpaksa datang berbinchangan dalam masalah bahasa kebangsaan; kalau dia tidak pandai berchakap bahasa kebangsaan lebeh daripada Yang Berhormat Senator Athi Nahappan atau pun lebeh daripada saya, maka tidak ada erti-nya dia hendak buka mulut dalam Dewan ini.

Satu penjelasan yang suka saya berikan di-sini, ya'ani bukan Tunku Perdana Menteri atau Yang Amat Berhormat Tun berkata, semua mereka yang menentang Rang Undang<sup>2</sup> ini orang kominis, tidak! Tunku kata ada di-kalangan mereka yang menentang Rang Undang<sup>2</sup> ini terdiri daripada pehak kominis yang bertujuan sa-mata<sup>2</sup>

untuk menimbulkan kachau bilau di-dalam negara kita. Kita tahu beberapa orang—orang Melayu telah mengatakan tidak bersetuju dengan Rang Undang<sup>2</sup> ini saperti juga Yang Berhormat Wan Mustapha sendiri dan Yang Berhormat Dato' Mohamed Asri dan Yang Berhormat Senator Amaluddin—mereka ini tidak kominis.

Yang Berhormat itu juga berkata loyar<sup>2</sup> Melayu 9 orang, semua-nya di-Kuala Lumpur ini, semua-nya menentang Rang Undang<sup>2</sup> ini, begitu juga murid<sup>2</sup> Kolej Islam. Mengenai penuntut<sup>2</sup> Kolej Islam ingin-lah saya menerangkan ia-itu Kerajaan telah mengambil tindakan yang patut di-ambil untuk menjaga tata-tertib di-dalam Kolej itu. Kita tidak mahu ada-nya di-dalam negara ini Kolej Islam, Sekolah, University di-mana tata-tertib yang telah di-buat untuk kepentingan bukan sahaja murid<sup>2</sup> sakalian tetapi negara kita, tidak di-ikuti oleh penuntut<sup>2</sup> itu. Penuntut<sup>2</sup> itu telah di-minta bertemu dengan Pengetua dan Ahli<sup>2</sup> Council-nya yang lain ketika mereka akan mengadakan tunjok perasaan, tetapi mereka telah tidak mahu berjumpa dengan Pengetuannya. Dengan hal demikian Kerajaan tidak ada jalan yang lain sa-lain daripada menjalankan apa yang patut di-jalankan oleh Kerajaan untuk menjaga tata-tertib di-dalam Kolej yang tersebut. Kita tidak menentang murid<sup>2</sup> mahu mengemukakan pandangan mereka tetapi segala tentangan itu, segala apa yang di-buat hendak-lah di-jalankan dengan mengikut peratoran, dengan mengikut tata-tertib di-dalam Kolej. Yang Berhormat Senator Amaluddin menyeru supaya penuntut<sup>2</sup> ini di-beri peluang balek menuntut sa-mula, di-ma'afkan-lah mereka itu. Masaalah ini terpulang-lah kepada Kementerian yang berkenaan untuk menimbangkan bersama<sup>2</sup> dengan Council atau pun Jawatan-Kuasa yang menjaga Kolej ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-telah peperangan dunia yang kedua, di-Sarawak telah berlaku beberapa kejadian di-dalam sekolah<sup>2</sup> China daripada tahun 1949 sa-hingga kepada hampir tahun 1960. Berlaku-nya di-sekolah itu ia-lah penuntut<sup>2</sup> tidak patoh kepada tata-tertib sekolah, kalau

mereka benchi kepada guru mereka tidak mahu hadir di-dalam kelas, mereka membuat protest, mogok dan lain<sup>2</sup>. Kerajaan pada masa itu tidak mengawal sekolah<sup>2</sup> China, akibat-nya beberapa tahun kemudian kita nampak di-belakang penuntut<sup>2</sup> ini penganut<sup>2</sup> kominis—pejuang<sup>2</sup> kominis, telah menggunakan pelajar<sup>2</sup>. Sa-telah berlakunya kejadian ini baharu-lah Kerajaan negeri Sarawak membuat Undang<sup>2</sup> untuk mengawal semua sekolah<sup>2</sup> yang ada di-dalam negeri Sarawak.

Tugas yang pertama bagi penuntut<sup>2</sup> di-mana negara sahaja, sama ada di-Malaysia, di-Indonesia atau pun tempat<sup>2</sup> lain ia-lah untuk menchari ilmu supaya di-masa yang akan datang mereka boleh menggunakan ilmu itu untuk kepentingan bukan sahaja diri mereka sendiri atau pun keluarga mereka sendiri tetapi juga untuk negara. Jikalau penuntut<sup>2</sup> banyak sangat menggunakan masa mereka itu menchampioni di-dalam politik dengan sa-chara langsung, maka masa yang patut di-gunakan untuk belajar itu akan hilang dan akan rugi-lah. Tidak siapa pun yang menegah dan Kerajaan tidak menegah mereka ini membinchangkan masaalah politik dengan sa-chara ilmiah, tidak siapa yang menchegeh tetapi hendak-lah tata-tertib di-dalam kolej, dalam sekolah dan Universiti itu di-ikuti.

Mengenai peguam<sup>2</sup> di-Kuala Lumpur—9 orang mereka yang menentang, saya ada menerima salinan rayuan mereka ini kepada Kerajaan, tidak tahu sama ada original-nya dalam bahasa Inggeris atau pun dalam bahasa kebangsaan, tetapi yang saya terima yang telah di-serahkan kepada saya sendiri oleh sa-orang daripada rakan saya sa-orang peguam juga ia-lah di-dalam bahasa Inggeris—enam muka. Saya telah membacha memorandum ini lima kali semenjak saya terima. Saya tidak dapati di-dalam memorandum ini bahawa peguam<sup>2</sup> yang 9 orang itu menentang dasar Rang Undang<sup>2</sup> ini (*Tepok*), mereka tidak menentang dasar ini. Yang Berhormat Senator Wan Mustapha selalu salah membacha buku undang<sup>2</sup> (*Ketawa*), sama juga saperti dia salah membacha Memorandum.

Point yang pertama yang di-buat oleh peguam<sup>2</sup> ini ia-lah chara untuk menentukan bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal. Kata mereka ini, jangan-lah menggunakan Rang Undang<sup>2</sup> seperti ini kerana ini senang boleh di-pinda, boleh dimansokhkan dengan suara yang ramai tidak menggunakan suara 2/3. Mereka mahu supaya Perlembagaan itu sendiri, Article atau pun Fasal 152 di-ubah dan di-masokkan di-dalam Fasal 152 ini apa yang terkandung di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini kechuali beberapa pindaan. Dalam bahasa Inggeris-nya mereka berkata sa-lain daripada Clause 3, muka 5,

"We would suggest that the amendments to Article 152 be on the following lines:

- (i) That the existing Clause (2) of Article 152 be replaced by Clause 5 of the Bill, except that the proviso to the Bill should be omitted".

Sharat yang di-nyatakan di-sini "Proviso to the Bill, Clause 5" ia-lah mengenai penggunaan bahasa kebangsaan di-negeri Sarawak dan Sabah. Di-sini peguam<sup>2</sup> ini nampak-nya silap; agak-nya mereka tidak sempat seperti yang telah di-akuï di-dalam memorandum ini membacha Inter-Governmental Committee Report atau pun Malaysia Agreement, yang menyebabkan sharat ini di-masokkan ka-dalam Fasal 5 Rang Undang<sup>2</sup> ini ya'ani sa-lama 10 tahun sa-telah Malaysia di-tubuhkan, bahasa rasmi walau apa pun yang berlaku di-sini dalam tahun 1967, bahasa kebangsaan tidak akan menjadi bahasa rasmi di-Sarawak dan di-Sabah. Sa-telah 10 tahun jika di-benarkan oleh Majlis Undangan Negeri di-Sarawak dan di-Sabah baharu-lah bahasa kebangsaan itu boleh di-gunakan menjadikan bahasa rasmi di-Sarawak. Jadi yang di-kehendaki oleh peguam<sup>2</sup> ini tidak dapat kita laksanakan.

Yang kedua point yang di-buat-nya—

"That Clause (3) of Article 152 be replaced by provisions similar to those contained in Clause 4 of the Bill, save that it is Parliament which shall by law authorise every purpose for which the English language may continue to be used".

Peguam ini tidak berkata mereka menentang Clause 4 di-dalam Bill ini yang membenarkan Yang di-Pertuan Agong, memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong supaya membenar-

kan dalam beberapa lapangan bahasa Inggeris di-gunakan sa-bagai bahasa rasmi. Peguam ini tidak menentang-nya, yang di-kehendaki oleh peguam ini di-masokkan di-dalam Perlembagaan dan jika di-buat demikian biar-lah Parlimen menentukan dalam mana lapangan bahasa Inggeris boleh di-gunakan menjadi bahasa rasmi.

Yang ketiga kata-nya:

"That Clause (4) and Clause (5) of Article 152 be replaced by Clauses 6 and 7 of the Bill".

Jadi kalau kita tengok ada 8 Clause dalam Bill ini. Clause 1 mereka ber-setuju, Clause 2 mereka setuju, Clause 3 ada reservation, Clause 4 mereka setuju, Clause 5 mereka setuju, Clause 6 mereka setuju, Clause 7 mereka setuju dan Clause 8 pun mereka setuju. Apa lagi yang lain yang tidak di-persetujui oleh peguam itn? (*Tepok*). Jadi rakan saya, Yang Berhormat Senator Wan Mustapha sa-kali lagi telah salah membacha memorandum ini seperti biasa. Saya kata dia sengaja, fasal selalu sangat dalam Dewan ini dia salah membacha undang<sup>2</sup> itu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi erti-nya, pada dasar-nya, kesimpulan-nya peguam<sup>2</sup> kita di-Kuala Lumpur ber-setuju dengan dasar Rang Undang<sup>2</sup> ini. Mereka tahu bahawa tujuan Kerajaan seperti yang di-sebut dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah untuk mengurangkan penggunaan bahasa Inggeris. Masaalah bahasa lain tidak timbul dan di-bawah Article 152 dalam masaalah penggunaan bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi tidak timbul sa-lain daripada bahasa Inggeris. Jadi mereka sedar juga Yang Teramat Mulia Tunku telah memberi penerangan jelas ya'ani tujuan Kerajaan memang-lah untuk menjadikan bahasa kebangsaan bahasa rasmi yang tunggal.

Memorandum ini juga berkata "In connection with Clause 8 of the Bill, we are not certain if the existing provisions as contained in the Bill are workable". Ini mengenai bahasa di-dalam mahkamah, memorandum ini telah di-hantar sa-belum pindaan kita buat. Sekarang dengan ada-nya pindaan, maka saya rasa apa yang disebutkan dalam memorandum ini telah kita terima "The permitting of the use

of the Malay Language," kata memorandum ini lagi, "partly and the English language partly in the Courts will most certainly result in the records of the Courts being unintelligible." Jadi begitu-lah faham peguam<sup>2</sup> kita di-sini.

Mengenai kemahuan mereka itu supaya Parlimen yang menentukan mana satu lapangan bahasa Inggeris ini boleh di-gunakan. Ini faham masing<sup>2</sup>. Kerajaan berpendapat lebeh senang dilaksanakan jikalau perkara ini diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong ya'ani di-serahkan kepada Kerajaan. Kerana jikalau berbangkit ketika Parlimen tidak bersidang satu perkara yang menghendaki tindakan yang segera, apa yang boleh kita buat. Ini chuma masaalah pelaksanaan bukan masaalah dasar. Parlimen chuma bersidang membincangkan masaalah dasar yang luas bukan masaalah tiap<sup>2</sup> butir chara Kerajaan melaksanakan dasar itu. Dan juga bukan-lah berarti bahawa Clause 4 ini akan menyekatkan sa-siapa jua pun mengetahui di-dalam lapangan mana bahasa Inggeris akan di-benar di-gunakan, oleh Yang di-Pertuan Agong atau pun oleh Kerajaan kita.

Mengenai Clause 3, peguam<sup>2</sup> ini berkata "In the light of the above consideration,"—mereka ini telah menyentoh Reid Commission's Report Article 170—we find Clause 3 of the National Language Bill, unacceptable." Mereka tidak berkata Clause 3 of the Bill is *ultra vires* Article 152 of the Constitution, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Wan Mustapha. Tidak, peguam<sup>2</sup> tidak berkata begitu. 9 peguam Melayu tidak berkata Clause 3 of the Bill is *ultra vires* Article 152 of the Constitution. Chuma mereka kata "unacceptable"—lain bahasa-nya.

Sa-malam apabila saya tanya rakan saya Yang Berhormat itu, sama ada dia akan menyokong Clause 3 ini, jikalau masa ada di-tentukan dalam penggunaan terjemahan daripada bahasa rasmi kepada bahasa<sup>2</sup> yang lain, jawab Yang Berhormat itu dia menyokong sekarang juga pun. Saya sengaja tidak mahu menjawab lagi. Jadi terpaksa-lah saya menyimpan modal

untuk berbath buat jawapan saya pagi ini. Ini berarti bahawa Yang Berhormat itu sendiri mengaku Clause 3 itu tidak bertentangan dengan Article 152 dalam Rang Undang<sup>2</sup> Perlembagaan kita (*Tepok*). Kerana apa, jikalau seperti kata Yang Berhormat itu pada awal-nya, Clause 3 bertentangan atau tidak sah, kerana bertentangan dengan Article 152. Dengan memasokkan masa menghadkan penggunaan penterjemahan tidak akan mengesahkan Clause 3 itu daripada segi undang<sup>2</sup>. Jadi sa-kali lagi kita nampak dia ini salah baca undang<sup>2</sup> atau pun tidak mengerti sangat, sunggoh pun dia telah belajar Latin, barangkali Inggeris-nya kurang dipelajari-nya, jadi, itu-lah dia tidak begitu mengetahui daripada segi ta'arif Article 152. Jadi ini membuktikan kepada kita bahawa di-dalam hati kechil-nya sendiri dia perchaya Clause 3 ini tidak bertentangan dengan Article 152.

Tuan Yang di-Pertua, Clause 3 atau pun Fasal 3 dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini bukan berarti bahawa tiap<sup>2</sup> surat rasmi akan di-terjemahkan kepada bahasa lain untuk pengetahuan umum. Itu nampak daripada hujah<sup>2</sup> Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang—mereka khuatir bahawa daripada 1 haribulan September, 1967 ini, sakalian daripada surat<sup>2</sup> daripada Kerajaan akan di-terjemahkan kepada bahasa lain—tidak, tidak begitu. Ini chuma satu Clause memberi kuasa kepada Kerajaan Pusat, memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri supaya jika Kerajaan memikirkan patut, boleh-lah Kerajaan menterjemahkan surat<sup>2</sup> rasmi ka-dalam bahasa yang lain. Masa tidak dapat kita hadkan dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini, kerana mithal-nya sekarang kita ada sa-orang pelawat daripada negara sahabat kita, daripada German, President daripada Germany. Ada programme lawatan itu, tidakkan kita hendak buboh programme ini semua dalam bahasa kebangsaan, apalah hal pegawai<sup>2</sup> yang mengikuti President ini, mereka tidak tahu bahasa kebangsaan, tidak-lah patut di-dalam keadaan yang demikian kita menterjemahkan bahasa rasmi ini kepada bahasa yang boleh di-mengertikan oleh

tetamu kita? Kalau kita menerima sa-orang tetamu daripada negeri Russia, kalau kita menerima sa-orang tetamu daripada negeri Arab, apa yang akan kita buat kepada programme, chuma dalam bahasa kebangsaan sahaja? Tentu orang yang mempunyai fikiran yang wajar berkata, kenapa programme ini tidak kita terjemahkan kepada bahasa yang boleh di-mengerti oleh pegawai<sup>2</sup>-nya. Tetapi tetamu kepada negeri kita ini bukan-nya akan datang dalam masa 10 tahun, lima tahun ini sahaja 50 tahun, 60 tahun yang akan datang, harus akan ada lagi, tentu akan ada lagi. Jadi bagaimana-kah kita akan menghadkan masa penggunaan terjemahan ini oleh Kerajaan, tentu tidak dapat.

Yang Berhormat wakil daripada Bachok dalam Dewan Ra'ayat berkata dalam perbahatan Perbelanjaan Tambahan—Perbekalan Tambahan, kenapa Kerajaan dalam masa konfrantasi tidak menghantar risalah<sup>2</sup> ka-negeri Arab dalam bahasa Arab, tetapi beberapa hari sa-belum itu Yang Berhormat itu kata terjemahan ini tidak bagus semua dalam bahasa kebangsaan; dua hari kemudian, kenapa Kerajaan tidak buat risalah dalam bahasa Arab supaya orang Arab boleh mengerti dalam masaalah konfrantasi. Ini lagi satu bukti yang menunjukkan bagaimana penting-nya ada Clause 3 di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> kita supaya Kerajaan boleh menterjemahkan surat<sup>2</sup> rasmi kepada mana satu bahasa yang lain yang di-fikirkan patut, bukan-lah tujuan Clause 3 akan menaikkan taraf terjemahan dalam mana<sup>2</sup> bahasa kepada taraf semi-official seperti yang telah di-nyatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Wan Mustapha pada hari kelmarin.

Saya sangat dukachita apabila mendengar Yang Berhormat Wan Mustapha berkata pada pagi kelmarin menyentuh perasaan hati kecil saya sedikit, Ah! kalau terjemahan ini akan di-gunakan, boleh-lah di-terjemahkan kepada bahasa Sakai. Sa-olah<sup>2</sup> Ahli Yang Berhormat itu mempunyai fikiran bahawa orang<sup>2</sup> Sakai ini begitu rendah sangat dalam negara kita, pada hal Yang Berhormat<sup>2</sup> PAS sendiri dalam

Dewan Ra'ayat berkata, jangan-lah memandang rendah kepada orang<sup>2</sup> Asli ini, tetapi saya rasa apa yang ada di-belakang fikiran Yang Berhormat Wan Mustapha pada pagi kelmarin memikirkan mereka ini begitu rendah, maka jangan-lah bahasa rasmi ini di-terjemahkan kepada bahasa Sakai atau pun bahasa<sup>2</sup> orang Asli yang lain.

Yang Berhormat itu berkata kalau Rang Undang<sup>2</sup> ini berjalan kuat-kuasa 100 tahun lagi bahasa Melayu tidak boleh menjadi bahasa rasmi yang tunggal. Ini tawarikh sahaja akan menentukan, tetapi daripada 1 haribulan September tahun ini, kita akan nampak di-dalam Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan kekurangan penggunaan bahasa Inggeris. Beliau juga telah menuduh bahawa 10 tahun kita telah merdeka—hampir 10 tahun, tetapi bahasa kebangsaan masih lagi belum di-gunakan di-dalam beberapa Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan, sebab-nya, hujah beliau, ia-lah Kerajaan tidak tegas di-dalam pendirian Kerajaan untuk melaksanakan penggunaan bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal.

Pendapat saya lain. Pendapat saya kerana pegawai ini dalam masa 10 tahun yang lepas berfikir, “tidak apa kita ada lagi 10 tahun, kita ada lagi 10 tahun esok tidak pakai bahasa kebangsaan pun tidak apa, gunakan bahasa Inggeris dahulu.” Jadi postpone daripada satu masa ka-satu masa—tunggu sampai kepada sekarang tengok: La Ila Ha Illallah sudah sampai hampir 10 tahun aku belum lagi pandai bahasa kebangsaan. Ini membuktikan dalam pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua,—harus saya salah—ini pendapat masing<sup>2</sup>; jikalau kita tentukan masa bagi Clause 4 yang membenarkan penggunaan bahasa Inggeris, maka di-kalangan pegawai ini kelak akan berfikir lagi ada lagi masa jangan susah 10 tahun lagi kita boleh pakai, sekarang tidak perlu pakai dahulu. Kalau kita tidak hadkan masa maka pegawai<sup>2</sup> itu akan kita perentahkan akan kita arahkan—belajar-lah bahasa kebangsaan, gunakan-lah bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi, sa-olah<sup>2</sup> esok-nya Kerajaan akan menghapuskan

penggunaan bahasa Inggeris. Ini kebaikan dia Clause 4 ini dengan tidak menentukan masa. Ini dia kebaikan yang besar sa-kali Clause 4 ini.

Saya rasa pegawai<sup>2</sup> Kerajaan kita yang ada sekarang banyak telah men-chuba menggunakan bahasa kebangsaan, kechuali dalam masaa'lah perkara<sup>2</sup> technical saperti Yang Berhormat Senator Abdul Samad bin Osman terpaksa berchakap dalam bahasa Inggeris, kata Yang Berhormat itu kerana perkara<sup>2</sup> yang akan di-binchangkan itu ia-lah menyentoh masaa'lah technical, dia belum dapat lagi perkataan<sup>2</sup> dalam bahasa kebangsaan yang boleh menterjemahkan perkataan<sup>2</sup> bahasa Inggeris dengan tepat-nya.

Yang Berhormat Senator Wan Mustapha juga telah menyentoh recommendation daripada Reid Commission Perkara 170 yang kata beliau—"Do not recommend any other language should become an official language." Kerajaan sekarang menentang recommendation ini. Ini budak<sup>2</sup> pun boleh jawab. Recommendation itu telah di-terima masok dalam Perlembagaan; itu-lah hasil-nya Perkara 152. Kerajaan sekarang tidak berdaya-upaya untok mengubah Perkara 152 kechuali dengan persetujuan Parlimen. Jadi dalam masaa'lah ini, Tuan Yang di-Pertua, masaa'lah Clause 3 ini, yang menjadi controversy yang begitu banyak, (salah faham yang begitu banyak) satu chara sahaja untok menyelesaikan sama ada Kerajaan betul atau pun tidak betul daripada segi undang<sup>2</sup>-nya. Saya chabar orang PAS membawa ka-dalam Mahkamah untok memberi keputusan sama ada Clause 3 ini *ultra vires* Perkara 152 Perlembagaan kita. Jika mereka tidak berbuat demikian bererti mereka chuma berchakap untok kepentingan politik sahaja, untok mengharu<sup>2</sup>kan fikiran orang<sup>2</sup> Melayu di-negeri ini, menakut<sup>2</sup>kan orang Melayu di-negeri ini, supaya dapat-lah konon-nya tadi, dengan senjata ini, orang boleh keluar beramai<sup>2</sup> masok PAS, tetapi sa-balek-nya dalam beberapa bulan ini orang PAS ramai keluar masok UMNO.

Yang Berhormat Senator Amaluddin telah memberi kupasan, kata beliau, yang panjang lebar mengenai Rang

Undang<sup>2</sup> ini. Saperti biasa, berchakap tiga jam lima belas minit atau pun dua jam, yang boleh kita chakap dalam masa lima belas minit sahaja—isi-nya tidak ada, penoh dengan bunga sahaja. Jadi saya rasa banyak masa telah terbuang.

Dia telah menegor terjemahan di-kepala Rang Undang<sup>2</sup> ini. Kata Yang Berhormat itu, dalam bahasa Inggeris-nya, Rang Undang<sup>2</sup> ini berbunyi "An Act to provide for the use of the national language," tetapi dalam bahasa kebangsaan-nya, "Suatu Act bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan penggunaan bahasa kebangsaan." Jadi terjemahan ini tidak tepat. Ini lagi satu point yang besar di-sabelah Kerajaan dalam Clause<sup>2</sup> Bill ini. Kerana bahasa *Melayu* dalam segi penggunaan Undang<sup>2</sup>—andai-kata, kata yang Berhormat itu betul—saya tidak mengatakan dia betul—bahasa kita lagi muda di-dalam segi undang<sup>2</sup>—Yang Berhormat Wan Mustapha sendiri ketahu<sup>2</sup>, dahulu di-negeri England menggunakan Latin, menggunakan bahasa Pranchis, beberapa tahun baharu bahasa Inggeris digunakan sa-bagai bahasa mahkamah. Kita tidak boleh berkata mereka itu mempunyai perasaan nationalist tipis sahaja, tidak saperti kita—tebal, kuat. Mereka mempunyai perasaan nationalist (perasaan kebangsaan) saperti kita juga.

Jadi, kita sedar, bahawa di-tingkat ini belum lagi sampai masa-nya bahasa kebangsaan bahasa rasmi kita, boleh menggantikan 100% bahasa Inggeris—tidak boleh. Saya tidak mahu membahathkan fikiran tentang hal sama ada terjemahan ini betul atau pun tidak, kerana Yang Berhormat itu bukan sa-orang peguam. Jika dia hendak mengerti perkataan<sup>2</sup> dalam undang<sup>2</sup> ini, terpaksa-lah dia belajar dahulu pergi Inns of Court atau pun pergi University baharu-lah seronok kita berbath saperti Yang Berhormat Senator Wan Mustapha.

Yang Berhormat Senator Amaluddin juga berkata, Rang Undang<sup>2</sup> ini tidak di-binchangkan dalam Meshuarat Agong UMNO. Ketua<sup>2</sup> UMNO di-jemput datang hadir di-Dewan Tunku Abdul Rahman bukan untok di-bawa

berunding sama ada menerima Rang Undang<sup>2</sup> ini atau pun tidak, tetapi untuk memberi penerangan sahaja, memberi directive sahaja, sama ada diterima atau tidak di-terima, mereka terpaksa juga terima bersetuju dengan pemimpin<sup>2</sup> UMNO. Ya, itu betul—Rang Undang<sup>2</sup> ini tidak di-timbangkan di-dalam Perhimpunan Agong UMNO kerana tidak perlu. Kerana Majlis Kerja Tertinggi UMNO, kerana Jema'ah<sup>2</sup> Menteri yakin berpendapat, bahawa Rang Undang<sup>2</sup> ini melaksanakan kehendak UMNO yang telah terchipta di-dalam Perlembagaan kita. Masalah dasar-nya telah putus, masalah perlaksanaan-nya sahaja. Masalah dasar-nya telah di-selesaikan dalam tahun 1957 apabila perbahathan yang hebat telah berlaku di-dalam Federal Legislative Council pada 10 Jun tahun 1957. Saya dua hari ini baca ini—uchapan<sup>2</sup> Yang Teramat Mulia Tunku, ucapan<sup>2</sup> Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang lain mengenai perbinchangan Perlembagaan untuk Persekutuan Tanah Melayu—dua tiga kali.

Jadi bukan-lah bererti bahawa tiap<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> itu akan kita bawa kepada Perhimpunan Agong UMNO—tidak. Tidak ada satu Rang Undang<sup>2</sup> pun kita buat seperti itu. Ketika Singapura hendak berpisah daripada Malaysia, Rang Undang<sup>2</sup> itu tidak dibinchangkan di-dalam Perhimpunan Agong UMNO. Kerana kita di-dalam UMNO, tiap<sup>2</sup> Perhimpunan Agong, kita memberi mandat kepada ketua, sa-telah dasar yang luas itu di-selesaikan—seperti juga Parlimen. Mereka yang telah hadzir di-Dewan Tunku mendengar penerangan daripada Yang Amat Berhormat Tun dan Menteri<sup>2</sup> yang lain di-situ, di-beri peluang dengan sa-luas<sup>2</sup>-nya untuk bertanya, untuk mengeluarkan segala<sup>2</sup> fikiran, untuk sama ada menentang atau pun menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini. Kesemua-nya, apabila mereka keluar daripada Dewan, sa-telah mendengar penerangan, sa-telah perbahathan berlaku, mereka bersetuju bahawa Rang Undang<sup>2</sup> ini betul dalam segi perlaksanaan bahasa kebangsaan untuk menjadi bahasa rasmi.

Di-sini saya suka menyatakan—di-Dato' Keramat, pada hari Ahad 5hb,

ada satu usul di-kemukakan oleh chawangan Dato' Keramat—saya menjadi ahli UMNO chawangan Dato' Keramat—Yang Berhormat Senator Saidon menjadi pengerusi dalam Chawangan itu. Satu usul meminta Kerajaan supaya menentukan had bila mana terjemahan boleh di-gunakan, had di-dalam Clause 4 dalam Bill ini, ketika mana bahasa Inggeris itu tidak boleh di-gunakan lagi sa-bagai bahasa rasmi. Satu persatu telah bangun mengemukakan segala fikiran masing<sup>2</sup>, saya sendiri memberi penjelasan seperti pagi ini juga. Akhir-nya usul itu telah di-tarek balek, kerana mereka nampak logik<sup>2</sup> di-belakang Clause 3, di-belakang Clause 4 di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini.

Jadi, dasar-nya daripada Yang Berhormat pehak Parti Pembangkang, bahawa orang<sup>2</sup> UMNO ini chuma ditutup mulut sahaja—terima apa kata ketua, itu tidak betul sama sa-kali. Jika ada satu parti di-dalam Malaysia yang boleh di-katakan 100% mengamalkan demokrasi, parti itu ia-lah UMNO dan Perikatan, bukan PAS.

Kalangan orang yang salah faham tentang maksud Rang Undang<sup>2</sup> ini telah melemparkan tuduhan<sup>2</sup> terhadap Yang Teramat Mulia Tunku dan juga kepada Tun. Tuduhan itu aneh sa-kali nampaknya. Dalam fahaman saya, sengaja untuk memecah-belahkan di-kalangan Menteri sendiri. Tuduhan itu di-lemparkan kepada Tunku, di-lemparkan kepada Yang Berhormat Enche' Khir, di-lemparkan kepada Yang Berhormat Enche' Senu—ketiga<sup>2</sup>-nya dari Kedah. Apa hal Menteri yang lain—saya, Yang Berhormat Dato' Sardon, Yang Berhormat Captain Hamid Khan yang bukan daripada Kedah? Seperti kata Yang Berhormat Tun Dr Ismail, "Cabinet sa-bulat suara—kita berdiri satu, kita akan runtohi sa-bagai satu badan Juma'ah Menteri, tidak akan berchera-berai di-dalam masaalah penggunaan bahasa kebangsaan ini."

Mereka menudoh bahawa Tunku tidak chinta kepada bahasa Melayu, tidak chinta kepada orang Melayu—menjual sahaja, compromise sahaja—bila orang China minta, orang India minta, tekan sedikit, beri. Ini tuduhan

daripada beberapa orang di-kalangan orang Melayu. Daripada kalangan pehak Pembangkang yang bukan Melayu pula—mereka berkata, seperti Seenivasagam brothers, berlainan—Tunku, Tun, Perikatan menekan mereka yang bukan Melayu.

Kita lihat dalam *Utusan Melayu* 9hb Mach, 1967, Dato' S. P. Seenivasagam berkata pada 8hb Mach, 1967, "Pemimpin PPP Ra'ayat Malaya, Dato' S. P. Seenivasagam sa-malam telah menyatakan tentangan-nya terhadap Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan yang pada pendapat-nya hanya untuk kepentingan orang<sup>2</sup> Melayu sahaja." Jadi kalau kedua pehak Pembangkang yang extreme, super extreme, Malay racist dengan super extreme, multi-lingualist berpendapat bagitu, selamatlah negara kita. Kerana erti-nya apa yang kita buat itu betul (*Ketawa*)—betul-lah yang kita buat itu. Kalau-lah mereka ini puji, kena-lah kita jaga sadikit. Kalau mereka ini menghamborkan segala tuduhan<sup>2</sup> seperti ini, shukur Alhamdulillah, betul-lah jalan kita ini. Jikalau puji daripada PPP, puji pula daripada PAS, kita kena kaji sa-mula sama ada Rang Undang<sup>2</sup> ini baik atau pun tidak.

Pada 10hb Julai 1957, Tuan Yang di-Pertua, mengenai bahasa kebangsaan, Tunku telah berkata bagini, saya ini hendak mengingatkan Senator Tan Sri T. H. Tan supaya dia ada-lah sedap<sup>2</sup> sadikit, jangan-lah di-lupakan apa yang telah di-bincangkan dahulu itu. Kata Yang Teramat Mulia Tunku pada Muka 2863—10hb Julai 1957 (*Hansard*)—

"I turn now to the question of the National Language. The recommendation of the Commission with regard to the use of Chinese and Indian languages in either House of Parliament, or the Legislative Assembly of a State has as you know, not been accepted. It would be most difficult to operate the Clause proposed by the Commission, but in any event, it is very important that our people should converse with one another in one common language and there can be no doubt that the common language must ultimately be the National Language—the Malay Language."

Ini perdirian Perikatan menerusi Yang Teramat Mulia Tunku dalam tahun 1957, perdirian ini maseh lagi sekarang, ini-lah yang kita akan lak-

sanakan sekarang. Apa yang Tunku kata, apa yang Perikatan kata semua pada 10hb Julai 1957. Kalau<sup>2</sup> pehak daripada macham PPP yang menyokong Perlembagaan dahulu sekarang mengubah sikap-nya, pehak PAS lupa—ini dia berkata Tunku—

"There can be no doubt that the common language must ultimately be the Malay Language."

Saya harap seluroh ra'ayat Malaysia tidak akan lupa kapada perkataan Tunku itu.

Dalam masaalah perbincangan Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini, masaalah ekonomi, masaalah pelajaran Melayu, masaalah apa semua telah timbul. Melayu terikat, China yang naik, ada pula China berkata, culture mereka tertekan orang Melayu pula yang naik, bermacam<sup>2</sup> tuduhan yang biasa kita dengar di-dalam negara kita ini, tetapi semua mereka yang melem-parkan tuduhan<sup>2</sup> ini tidak ada membuktikan kapada negara, tidak ada mengemukakan satu shor yang boleh di-terima oleh negara, bagaimana chara kita di-dalam Malaysia yang mempunyai suku<sup>2</sup> bangsa daripada beberapa keturunan boleh menjagakan ketenteraman, boleh menjagakan keamanan, boleh menjagakan keharmonian, sambil itu boleh memberi kapada ra'ayat sakalian apa yang patut di-beri oleh Kerajaan kema'amoran. Tidak ada satu Parti yang lain sama ada PAS itu atau pun ini—tidak ada PAS dengan kekurangan wang, dengan kesusahan itu dan kesusahan ini tidak dapat membayar gaji beberapa bulan kapada pegawai<sup>2</sup> Kerajaan Negeri, PAS sa-takat ini di-mana satu kertas mengenai polisi PAS tentang penyakit ekonomi orang Melayu mithal-nya yang mereka telah katakan bertahun<sup>2</sup> di-dalam Dewan Negara, di-mana dia satu bukti—satu blue print yang boleh di-agongkan lebeh elok, lebeh kemas daripada apa yang di-jalankan oleh Parti Perikatan sekarang ini—tidak ada.

PPP makin merosot, Labour Party makin merosot, semua-nya makin merosot. Perikatan dengan jalan sederhana—tidak extreme kiri, tidak extreme kanan sa-makin sa-hari sa-makin subur.

Di-dalam masaalah ekonomi ini elok kita balek sa-mula. Ini perkara yang biasa kita dengar apa yang di-katakan oleh Yang Berhormat Tuan Tan Siew Sin pada 10hb Julai 1957 di-dalam perbinchangan Perlembagaan ini juga terhadap kedudukan orang Melayu—

“An economically depressed Malay community in a prosperous Malaya will not mean a peaceful Malaya. An economically depressed Malay community will never be able to achieve the desired degree of co-operation with the substantially more prosperous non-Malay communities. It is, therefore, to the long-term interest of all of us to support any measures which will enable our Malay brethren to improve their economic status.”

Di-dalam masaalah bahasa kebangsaan, Yang Berhormat Tuan Tan Siew Sin telah memberi perdirian yang tegas, MCA menyokong 100% pelaksanaan bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal, banyak lagi ucapan<sup>2</sup> ketua<sup>2</sup> pemimpin Party dan yang lain<sup>2</sup> dalam tahun 1957—tuan<sup>2</sup> sakalian tentu mengetahui di-dalam perkara itu daripada saya yang baharu sahaja masok di-dalam Dewan ini.

Masaalah yang kecil yang di-timbulkan oleh Senator Amaluddin, mana satu yang sah di-antara dua Rang Undang<sup>2</sup> ini—dalam bahasa kebangsaan atau pun di-dalam bahasa Inggeris? Saya minta dia baca Article 152 Fasal 3 di-dalam Perlembagaan kita. Dia mengatakan sakalian Rang Undang<sup>2</sup> sekarang ini yang sah—ia-lah di-dalam bahasa Inggeris bukan di-dalam bahasa kebangsaan.

Satu sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai masaalah yang di-timbulkan oleh Yang Berhormat Senator Abdul Samad, siapa yang telah berkata GCE tidak di-gunakan atau boleh di-terima untuk masok di-dalam University Malaya. Jadi ini tidak begitu betul, sa-betul-nya GCE pelajaran-nya (subject) itu ada bermacam<sup>2</sup> peringkat, ada dia ordinary level, ada dia advanced level. Kalau unit-nya cukup seperti yang di-kehendaki oleh University kelulusan GCE itu boleh di-terima di-mana<sup>2</sup> University di-dalam Commonwealth ini, di-negara luar daripada Commonwealth tidak-lah saya tahu. Jadi jikalau sa-orang itu lulus GCE dengan tiga mata pelajaran sahaja

dengan Inggeris, bahasa kebangsaan dan geography tentu-lah University itu tidak akan menerima sa-orang murid untuk belajar ilmu Mathematic (kira<sup>2</sup>) atau pun Ilmu Science. Jadi jangan-lah salah faham di-dalam masaalah ini, jadi sa-benar-nya ini tidak ada berkaitan dengan perbinchangan bahasa kebangsaan.

Masaalah Clause 8 yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Abdul Samad telah saya terangkan pada hari kelmarin ia-itu pindaan telah di-buat di-dalam Dewan Ra'ayat kepada Clause 8 ini. Untuk mengelakkan salah faham tentang hal Utusan Melayu marah kepada Yang Berhormat Senator Abdul Samad Osman, sa-benar-nya pada hari kelmarin ketika saya minum kopi dengan Yang Berhormat itu, saya katakan, “Nampak-nya dalam Persidangan Dewan ini Enche' ini menggunakan bahasa Inggeris 80% bahasa kebangsaan 20% sahaja, nanti Utusan Melayu marah-lah”. Sa-betul-nya ini di-buat dengan sa-chara bergurau sahaja, jadi saya tidak sedar dia hendak mengambil perkara itu begitu serious membangkitkan perkara itu di-dalam Dewan kelmarin. Bagus-lah juga mempunyai akibat yang elok supaya di-masa yang akan datang dia akan menggunakan bahasa kebangsaan lebeh banyak lagi daripada bahasa Inggeris.

Jadi itu-lah sahaja jawapan<sup>2</sup> yang dapat saya beri kepada ucapan<sup>2</sup> Yang Berhormat daripada Parti PAS dalam perkara ini: tidak ada perkara yang baharu; sa-benar-nya semua-nya telah kita dengar daripada Dewan Ra'ayat, sekarang ka-dalam Dewan Negara. Kesimpulan-nya mereka itu tidak-lah mempunyai sebab<sup>2</sup> yang sa-benar-nya menentang Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa kebangsaan. Saya rasa daripada segi chara perbahathan mengenai Rang Undang<sup>2</sup> ini, dalam Second Reading (Bachan Kali Kedua) mereka yang bersetuju pada dasar-nya, bukan pada butir<sup>2</sup>-nya tentu-lah menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini. Jadi dasar-nya itu seperti di-nyatakan oleh Kerajaan, itu mestilah di-terima. Jadi kita telah menerangkan dasar Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah untuk menjadikan bahasa kebangsaan bahasa rasmi yang tunggal. Parti PAS

menentang Rang Undang<sup>2</sup> ini pada dasar-nya, bererti Parti PAS menentang pelaksanaan bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal. Ini-lah kesimpulan-nya daripada segi perbincangan (*Applause*). Jikalau mereka menentang Clause 3 itu boleh di-tentang di-dalam Committee stage bagitu juga Clause 4, bagitu juga yang lain jikalau mereka mahu pindaan. Tetapi mereka menentang ketika perbincangan dasar, dan dasar Rang Undang<sup>2</sup> ini melaksanakan bahasa kebangsaan untuk menjadi bahasa rasmi yang tunggal. PAS menentang dasar ini bererti PAS tidak mahu bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Dato' Yang di-Pertua, saya bersama<sup>2</sup> dengan rakan<sup>2</sup> saya suka berchakap dalam masalah Rang Undang<sup>2</sup> bagi melaksanakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal di-dalam negeri kita ini. Saya sokong dasar dan Rang Undang<sup>2</sup> ini kerana dalam dasar dan butir<sup>2</sup> yang di-atorkan di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> itu sangat-lah tegas dan tepat dengan maksud dan kehendak bagi menjadikan bahasa Melayu bahasa kebangsaan yang tunggal dan rasmi di-dalam negara kita ini. Saya sokong kerana chara pelaksanaan yang di-susun dalam Rang Undang<sup>2</sup> itu ada-lah satu chara yang sangat baik, satu chara yang sangat chermat dan tegas yang boleh menjayakan kehendak dan chita<sup>2</sup> bagi menjadikan bahasa kebangsaan itu bahasa rasmi yang tunggal.

Saya sokong kerana dengan chara yang ada dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah satu chara yang baik, yang sederhana, yang kalau kita bawa kepada pepatah Melayu berkata, kalau hendak tarek rambut daripada tepong maka tepong-nya tidak rosak dan rambut-nya tidak putus. Banyak ahli<sup>2</sup> bahasa suka menggunakan pepatah<sup>2</sup> bahasa, tetapi pada pelaksanaan-nya mereka tidak mahu menerima chara pepatah itu mengeluarkan. Saya perchaya, hasil daripada timbul-nya Rang Undang<sup>2</sup> ini dalam Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara ini ia-lah dengan kerana kejujoran dan keikhlasan Tunku Perdana Menteri kita dan dengan kerana per-

paduan yang erat di-kalangan pemimpin<sup>2</sup> Perikatan yang mana dapat menyatukan segala fahaman dan dapat menjalankan kehendak dan chita<sup>2</sup> ini dengan baik, dengan mempunyai pengertian yang jujur di-antara satu sama lain. Kalau-lah tidak dengan kerana kejujoran dan perpaduan pemimpin<sup>2</sup> Perikatan ini maka saya perchaya jauh lagi daripada akan timbul-nya Undang<sup>2</sup> untuk kita hendak melaksanakan dasar menjadikan bahasa kebangsaan itu bahasa rasmi yang tunggal dan sa-chepat mungkin.

Saya suka hendak mengingatkan kepada Dewan ini bagaimana sejarah perjalanan negara kita, bagaimana sejarah pergolakan yang berlaku di-dalam negara kita ini semenjak sebelum merdeka sa-hingga-lah pada hari ini. Saya maseh ingat lagi sa-belum Merdeka lagi, apa sahaja yang diperbuat oleh Perikatan maka Parti PAS ini sentiasa-lah menentang kita. Tetapi pada akhir-nya mereka terima segala perbuatan, segala perkembangan, segala perubahan itu dengan tidak mahu mengakui kenyataan<sup>2</sup> itu.

Saya suka mengingatkan kepada Dewan ini bagaimana pada mula-nya Perikatan pada masa itu sa-masa belum merdeka, kita tuntutan supaya di-adakan pilihan raya dan kita bertolak ansor bagaimana Tunku bertolak ansor dengan Kerajaan British untuk mengadakan pilihan raya supaya menjadi tapak perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan. Pada masa itu pemimpin<sup>2</sup> PAS menentang tolak ansor itu dengan berbagai<sup>2</sup> perkataan, menyatakan ini tidak dapat memberi kejayaan kepada kita untuk mendapatkan kemerdekaan. Tetapi apabila mari pilihan raya, pemimpin<sup>2</sup> PAS itu sendiri bertanding menjadi ahli dalam pilihan raya itu, masuk bertanding dudok dalam Dewan Undangan pada masa itu yang mana belum lagi merdeka yang di-tentang kerana kata-nya Tunku bertolak ansor dengan British. Kemudian apabila kita tuntutan kemerdekaan pemimpin<sup>2</sup> PAS itu juga mencherchakan pimpinan Tunku dan Perikatan, menyatakan kemerdekaan kita ini kemerdekaan sa-paroh masak. Mereka tidak mahu menyokong kemerdekaan itu kata-nya sa-paroh masak.

Tetapi apabila negara kita merdeka, mereka bersama menerima némat kemerdekaan itu dan mereka maseh tidak mahu lagi menerima kenyataan<sup>2</sup> itu. Apabila kita sudah merdeka kita menggubal Perlembagaan bagi negara yang merdeka itu, Parti PAS membangkang, menentang Perlembagaan itu. Saya ingat lagi dalam pilihan raya mereka berkata mereka mahu bakarkan Perlembagaan itu. Mereka kata Perlembagaan ini tidak sesuai dengan negara kita ini. Mereka kata jikalau kita menang dalam pilihan raya mereka akan membakar Perlembagaan itu—Perlembagaan yang ada ini. Tetapi lepas itu mereka menerimakan kenyataan itu dengan tidak mahu menyebut di-atas kebenaran perkembangan yang timbul dalam negara kita ini. Ini-lah dapat kita lihat apa yang berlaku, apa yang di-lakukan oleh Perikatan, oleh Kerajaan Pusat, bagi menjalankan untuk kemajuan negara kita, untuk perlaksanaan dasar negara kita ini sentiasa-lah di-tentang oleh Parti<sup>2</sup> Pembangkang ini. Tetapi pada sa'at akhir-nya mereka dengan tidak menyedari telah menerima, telah menelan balek tentangan dan perkataan yang mereka keluarkan itu.

Hari ini mereka berkeras<sup>2</sup> menyatakan Rang Undang<sup>2</sup> ini berlawanan dengan Perlembagaan, Rang Undang<sup>2</sup> ini haram, kata Wan Mustapha. Jadi di-mana perkataan mereka yang dahulu-nya yang mengatakan Perlembagaan ini patut di-bakar, Perlembagaan ini tidak patut di-gunakan, Perlembagaan ini tidak harus di-pakai kerana tidak baik dan sa-bagai-nya. Hari ini mereka hendak mempertahankan isi<sup>2</sup> dalam Perlembagaan ini dengan menyatakan Rang Undang<sup>2</sup> ini pula yang haram dan sa-bagai-nya. Ini perkara yang di-keluarkan oleh pemimpin<sup>2</sup> politik yang sa-mata<sup>2</sup> mahu berchakap.

Dato' Yang di-Pertua, kelmarin kita dengar loyar Wan berchakap dalam Dewan ini, saya terperanjat kerana saya sangka dia tidak datang meshuarat kerana membinchangkan dasar dan Rang Undang<sup>2</sup> ini. Tetapi dia datang dan apakala dia datang saya ingat dia menyokong-lah Rang Undang<sup>2</sup> ini, rupa-nya dia bangkang. Dia bangkang itu bukan hasrat daripada perasaan

dan hati-nya. Dia bangkang itu dengan kerana surohan, dengan kerana perentahan, dengan kerana arahan daripada parti-nya supaya membangkang Rang Undang<sup>2</sup> ini. Tetapi kalau hasrat dan perasaan diri-nya, saya perchaya, dia-lah loyar yang pertama sa-kali yang menerimakan Rang Undang<sup>2</sup> ini dengan sa-penoh hati. Kerana kalau sa-kira-nya dia menolak Rang Undang<sup>2</sup> ini, kalau Kerajaan tidak mengadakan Rang Undang<sup>2</sup> ini terutama-nya dalam fasal mengenai Mahkamah, penggunaan bahasa di-Mahkamah, maka Wan Mustapha-lah orang yang mula<sup>2</sup> sa-kali terpaksa tutupkan office loyar dia. Kerana dia tidak boleh hendak berchakap dalam bahasa kebangsaan dalam apa<sup>2</sup> perbicharaan mahkamah sa-bagai sa-orang loyar. Saya tahu, saya kenal dan saya tahu-lah hal-nya. Ini kenyataan, tetapi dengan kerana paksaan, dengan kerana tekanan, dengan kerana arahan parti-nya terpaksa berchakap, lepas berchakap angkat beg keluar daripada Dewan ini balek terus. Fasal apa? Hati kechil-nya tidak dapat menerimakan apa yang di-arahkan oleh PAS.

Dato' Yang di-Pertua, Enche' Amaluddin saudara kita berchakap panjang bagaimana kata Menteri tadi, berliku<sup>2</sup>, berpusing<sup>2</sup> dan berbunga<sup>2</sup>, tetapi saya tidak dapat menerima satu pun kenyataan yang menunjukkan boleh menjadi hujjah yang dapat boleh di-terimakan, yang boleh menunjukkan ada baik-nya atau pun tidak baik-nya Rang Undang<sup>2</sup> itu.

